



**UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
FAKULTI PENDIDIKAN BAHASA ARAB
2006**

TUGASAN 2

PERANCANGAN KURIKULUM

PENDIDIKAN BAHASA ARAB

(GC 6583)

TAJUK

MATLAMAT TUJUAN DAN OBJEKTIF

KURIKULUM BAHASA ARAB

PENSYARAH

DR. NIK MOHD RAHIMI NIK YUSUFF

DISEDIAKAN OLEH

MOHD RIDHUAN HJ JUSOH

P 38212

ISI KANDUNGAN

MUKASURAT

1.	ISI KANDUNGAN	1
2.	MATLAMAT, TUJUAN DAN OBJEKTIF KURIKULUM	2
3.	KRITIKAN MENGGUNAKAN OBJEKTIF	4
4.	CIRI-CIRI TUJUAN KURIKULUM	10
5.	MERANCANG PENGAJARAN	15
6.	MODEL PENGAJARAN	16
7.	TUJUAN DAN OBJEKTIF PENGAJARAN	18
8.	MASALAH OBJEKTIF PERLAKUAN	20
9.	HUBUNGAN TUJUAN KURIKULUM DAN OBJEKTIF	22
10.	KURIKULUM BAHASA ARAB KOMUNIKASI SEKOLAH KEBANGSAAN	26
11.	MATLAMAT BAHASA ARAB KOMUNIKASI SEKOLAH KEBANGSAAN (BAKSK)	27
12.	MEMBINA MEDIA PENGAJARAN	36
13.	PENUTUP	39
14.	RUJUKAN	40

MATLAMAT, TUJUAN DAN OBJEKTIF KURIKULUM BAHASA ARAB

PENDAHULUAN

Mengikut Gay Heathcote istilah ‘matlamat’, ‘tujuan’ dan ‘objektif’ digunakan secara meluas dalam bidang pendidikan tetapi malangnya, tiada keseragaman dalam mengungkapkan istilah-istilah ini. Sepatutnya istilah ini diselaraskan dalam ciri-ciri tertentu merentasi kepelbagaian subjek dan kombinasi subjek tersebut.

MATLAMAT

Mengikut Jack C. Richard (2001) dalam perbincangan kurikulum perkataan ‘tujuan’ dan ‘matlamat’ digunakan bagi merujuk kepada deskripsi matlamat umum atau secara menyeluruh bagi sesebuah kurikulum itu. Manakala ‘objektif’ pula merujuk kepada deskripsi matlamat yang lebih spesifik dan konkrit. Di sini, kita akan menggunakan istilah ‘matlamat’ dan ‘objektif’. Sesebuah ‘matlamat’ adalah merujuk kepada pernyataan bagi perubahan umum sesuatu program itu dalam membimbing pelajarannya. Tujuan pernyataan ‘matlamat’ adalah seperti berikut:

1. Untuk menyediakan definisi yang jelas daripada tujuan pembelajaran
2. Untuk menyediakan garis panduan guru, pelajar dan penggubal subjek atau kurikulum
3. Untuk membantu melengkapi tumpuan terhadap pembelajaran
4. Untuk menggambarkan kepentingan dan kesedaran terhadap pembelajaran.

Pernyataan ‘matlamat’ menggambarkan ideologi kurikulum dan menunjukkan bagaimana ‘matlamat’ itu diperlukan di dalam kurikulum. Pernyataan di bawah menerangkan ‘matlamat’ dalam pengajaran Inggeris bagi tahap rendah di Singapura.

Contoh:

Pelajar-pelajar mempelajari Inggeris untuk :

- Berkomunikasi yang lebih berkesan bagi kedua-dua aspek iaitu ucapan dan penulisan di mana situasi pada hari ini diperlukan untuk memenuhi keperluan masyarakat.
- Memperolehi tabiat membaca yang baik supaya dapat memahami, berhibur dan menghargai sebahagian besar teks, termasuk kesusasteraan budaya-budaya lain.
- Meningkatkan kebolehan dalam meluahkan diri mereka dengan lebih imaginatif dan kreatif .
- Memperolehi kemahiran berfikir supaya dapat membuat pertimbangan yang lebih kritikal dan rasional.
- Menilai kemajuan 'tujuan' pembelajaran mereka.
- Memperolehi informasi dan kemahiran pembelajaran untuk mempelajari subjek lain yang diajar di dalam bahasa Inggeris.
- Menyesuaikan diri secara efektif dan efisien dengan perubahan, tugas-tugas dalam pembelajaran susulan dan peperiksaan.
- Memperolehi pengetahuan bagi kemajuan diri dan untuk memenuhi keperluan persendirian dan aspirasi.
- Melahirkan sikap positif yang mendorong idea-idea yang membina dan bernilai melalui bentuk perbualan dan penulisan dengan penggunaan Bahasa Inggeris.
- Mewujudkan sensitiviti, penghargaan kepada kepelbagaian bahasa Inggeris dan budaya yang digambarkan.

OBJEKTIF

'Aim' adalah pernyataan umum bagi matlamat dalam sesebuah program . Ianya diinterpretasikan dalam pelbagai cara.

Ciri-ciri pernyataan bagi sesuatu objektif adalah seperti berikut :

Objektif menggambarkan hasil, pembelajaran. Dalam objektif penulisan ekspresi seperti 'will study', 'will learn about', ' will prepare' , 'student for' adalah dilarang

kerana tidak menunjukkan hasil akhir pembelajaran tetapi lebih kepada apa yang pelajar akan lakukan sepanjang pembelajaran.

Objektif juga boleh dinyatakan bersama frasa 'will learn how to', wil be able to' .

KRITIKAN MENGGUNAKAN OBJEKTIF

Meskipun di kebanyakan institusi-institusi penggunaan objektif dalam perancangan pembelajaran adalah dilihat sebagai salah satu cara untuk memantapkan dan menstrukturkan proses perancangan pembelajaran. Penggunaan objektif di dalam bentuk yang menyeluruh atau di dalam bentuk yang menyeluruh atau di dalam bentuk objektif perlakuan (behavioral objective) juga mengundang kepada beberapa kritikan . Antara kritikan-kritikan yang penting adalah :

Objektif-objektif dapat menjadikan pembelajaran kepada satu teknologi . Ianya mempertikaikan objektif yang cenderung dikaitkan kepada pendidikan yang efisien . Ia menjadi bahaya sekiranya perancangan kurikulum menjadi satu latihan yang lebih teknikal di mana pengalaman dalam pengajaran dan pembelajaran mungkin akan hilang

Objektif yang kurang menekankan aspek pengajaran dan merupakan 'product-oriented' . Dengan menganggap setiap matlamat pengajaran dapat diekspresikan kepada objektif , ada yang berpendapat satu-satunya matlamat yang berfaedah dalam pengajaran adalah dengan membawa perubahan kepada sikap pelajar.

Objektif tidak dapat disesuaikan dalam banyak aspek bahaa yang digunakan.

Ojektif mungkin hanya sesuai untuk menerangkan penguasaan kemahiran-kemahiran , tetapi kurang sesuai untuk menerangkan kepada sesuatu lebih kepada pemikiran yang kritikal (critical thinking) , penghargaan kesusasteraan,atau pertimbangan dalam maksud.

Peter F. Olivia. 2005.

Matlamat , Tujuan dan Objektif

1. Beberapa masalah dikesan jika kita mengkaji ketiga-tiga item ini. Biasanya matlamat dan tujuan pengajaran adalah perkara yang sama digunakan. Dalam hal ini, Gardner menerangkan bahawa hasil perbincangan mengenai matlamat,tujuan dan objektif iaitu secara berterusan. Masalah timbul apabila perbicangan bercelaru.

Terdapat kesukaran untuk membezakan sesuatu perkataan di dalam konteks yang ringkas.

2. Terma tujuan pengajaran dan objektif pengajaran yang digunakan dalam profesion mempunyai makna yang variasi. Ada yang mengguna terma ini dengan cara yang sama orang lain bercakap menengenai pelajaran atau tujuan pengajaran. Ada yang melihat tujuan pengajaran sebagai tujuan kurikulum dan objektif pengajaran sebagai objektif kurikulum. Ada yang menggantikan tujuan pengajaran dengan tujuan pelajaran dan objektif pelajaran dengan objektif pengajaran.

3. Sebagaimana kita lihat di sekolah pernyataan tentang matlamat, tujuan dan objektif dan terma-terma itu digunakan dengan sama. Walaubagaimanapun jika kita percaya apa yang dibaca adalah dua perkara yang berbeza seperti tujuan dan objektif yang kebanyakan dilaksanakan di sekolah.

Menurut W. James Popham dan Eva L. menyatakan bahawa mereka diberi kebebasan untuk merungkai topik objektif pengajaran kerana ia mewakili satu daripada alat paling penting kepada guru. Tidak diragui hubungan positif antara kefahaman guru mengenai tujuan pengajaran dengan kualiti mengajar.

Robert F. Mager dalam objektif pengajaran berkata: "seorang guru mestilah memilih prosedur, kandungan dan cara yang dapat menilai kebolehan pelajar berdasarkan objektif atau tujuan asal yang dipilih. Antara sebab lain yang penting untuk menetapkan objektif adalah mengaitkan dengan penilaian sehingga ke tahap yang pelajar mampu lakukan seperti yang diinginkan, kecuali tujuan yang telah antara kedua-dua belah pihak memperolehi ujian terbaik.

4. Beberapa orang pakar kurikulum tidak membezakan tujuan kurikulum dan objektif dari tujuan pengajaran dan objektif atau keduanya digunakan dengan makna yang sama. Jika kurikulum dan pengajaran adalah berbeza maka tujuan kurikulum dan objektif juga berbeza dari tujuan pengajaran dan objektif, kecuali kita memilih model pengajaran dan kurikulum di mana keduanya adalah imej kepada satu sama lain. Ini menunjukkan kedua-duanya berbeza tetapi mempunyai kaitan yang rapat. Pemerhatian ini bukan untuk mengkritik kedudukan, definisi atau pendekatan pakar, juga tidak mengiyakan. Decker F. Walker berkata "kurikulum adalah isu. Pendapat mengenai perbezaan menyampaikan terma kurikulum ialah bahasa kurikulum lebih menjurus kepada kekeliruan. Malangnya pakar kurikulum tidak bersetuju sesama sendiri atas terminologi lebih mengelirukan serta pembangunan kurikulum yang kompleks, perancang kurikulum telah menambah bahasa kepada

filosofi, tujuan dan objektif kepada misi atau penyata visi , program kandungan , garis panduan, pengajaran atau standard kemampuan kepada gambaran program dan kayu pengukur. Hasilnya guru dapat menjalankan pembangunan kurikulum berdasar prinsipal dirangka oleh yang berpengalaman haruslah memahami konteks yang mereka hadapi.

Definisi Tujuan dan Objektif

Tujuan kurikulum ialah tujuan atau matlamat tanpa kriteria pencapaian. Perancang kurikulum berharap pelajar dapat mencapai tujuan tersebut sebagai hasil pendedahan kepada segmen atau semua program di sekolah. Contoh penyata ini bertepatan dengan definisi tujuan kurikulum. Pelajar akan mempamerkan tanggungjawab sebagai warga sekolah, masyarakat, negeri, negara dan dunia.

Jika diperhatikan tujuan kurikulum di bab tiga yang telah menggariskan tujuh prinsipal terpenting iaitu kesihatan , arahan asas, nilai kekeluargaan, perkataan, kerakyatan, kesenangan dan etika adalah contoh tujuan kurikulum. The Commission telah meluluskan prinsipal kepada :

1. Sekolah akan menggalakkan kesihatan mental dan fizikal pelajar
2. Pelajar akan mencapai melaksanakan arahan asas
3. Tujuan bersekolah adalah untuk mengajar ahli keluarga

Sepuluh keperluan remaja sebagaimana yang telah disenaraikan oleh Educational Policies Commission termasuklah :

1. Belia harus belajar kemahiran yang boleh dijual
2. Belia harus menjaga kesihatan tubuh badan dan mental
3. Belia harus bangun dengan kebolehan berfikir secara rasional untuk menyuarakan pendapat, untuk membaca dan mendengar dengan kefahaman.

Pada awalnya, Edu. Policies Commission menegaskan 4 sasaran pelajaran di Amerika, iaitu pengenalan diri, hubungan kemanusiaan, kemantapan ekonomi dan tanggungjawab awam. Tujuan-tujuan ini boleh diubahsuaikan oleh sekolah tertentu dan diterjemahkan kepada tujuan kurikulum yang dinyatakan dalam pelbagai cara, contohnya :

- Program sekolah menghasilkan pengalaman membentuk pengenalan diri
- Sekolah akan menggalakkan hubungan baik sesama manusia
- Sekolah juga bertujuan mengasah bakat pelajar yang akan menyumbangkan kepada negara dan kemantapan ekonomi mereka sendiri.
- Pelajar akan belajar bertanggungjawab

Banyak variasi digunakan untuk mengekspresi 4 tujuan tersebut. Tujuan pengajaran akan menjadi tujuan kurikulum apabila dilaksanakan di sekolah. Perbezaan timbul antara matlamat pengajaran dan tujuan pengajaran adalah suatu perkara biasa. Untuk merubah adat atau melaksanakan yang baru dengan kelayakan, matlamat pengajaran boleh menjadi tujuan kurikulum. Ekspresi untuk menyumbang kepada pembangunan fizikal seseorang, boleh menjadi matlamat pengajaran dalam mesyarakat dan sekolah.

Objektif Kurikulum

Berasal dari penyata filosofi ialah hasil pengajaran dan penilaian keperluan. Dari tujuan kurikulum kita dapat objektif kurikulum. Juga boleh dikatakan, tujuan atau matlamat yang boleh dinilai. Perancang kurikulum berharap pelajar dapat mencapainya sebagai hasil pendedahan segmen-segmen atau semua program di sekolah. Berikut contoh yang telah dilaksanakan. Pelajar akan mempamerkan tanggungjawab sebagai warga sekolah, masyarakat, negeri, negara dan dunia. Dari situ objektif kurikulum akan diperolehi :

- Semasa pilihanraya pelajar, 90 % akan mengundi
- 100% pelajar akan menyumbang secara positif untuk kempen kebersihan
- 90% pelajar akan tahu wakil yang akan ke senat untuk daerah mereka
- 90% pelajar akan tahu siapa senator US sekarang serta tahu parti mereka
- 90% pelajar akan ambil bahagian dalam projek yang boleh membaiki pemahaman antarabangsa, seperti menyumbang koin kepada NICEF, menderma, atau projek komuniti bertaraf antarabangsa.

Ini menunjukkan objektif kurikulum menjernih tujuan kurikulum

Locus Tujuan Kurikulum dan Objektif

Penyata 7 prinsipal utama dan 10 keperluan belia menunjukkan gol kurikulum ditulis mengikut masa berdasarkan negara oleh perseorangan atau kumpulan sebagai kertas kerja untuk dipertimbangkan oleh pihak pendidikan. Walaubagaimanapun objektif kurikulum seperti yang dinyatakan adalah terlalu khusus untuk peringkat negara. Tujuan kurikulum dan objektif ditulis di negeri, sekolah, daerah dan individu yang berpengalaman. Penyataan dari negeri digunakan di semua sekolah. Bahagian terpenting tujuan kurikulum dan objektif dirangka untuk setiap tahap disiplin, contohnya penyata tujuan kurikulum dan objektif dilaksanakan ke seluruh sekolah. Katakan, tujuan kurikulum berbunyi seperti , semua kanak-kanak perlu menguasai kemahiran nombor. Guru darjah 4 haruslah mencadangkan tujuan mengikut tahap seperti 'murid darjah 4 perlu menguasai nombor' atau guru tersebut boleh merungkai tujuan kurikulum sekolah dengan " tahun ini, murid darjah 4 akan menguasai kemahiran nombor, dengan kecemerlangan tahun lepas dengan purata 50 points dengan ujian yang standard.

Satu lagi contoh tujuan kurikulum, " pelajar akan meningkatkan pencapaian dalam ujian penilaian, satu dari objektif kurikulum dari tujuan ini ialah " Sekurang-kurangnya 85% akan lulus dalam ujian penilaian, Fakulti yang lebih tinggi akan set objektif sebagai 90% junior akan lulus dalam ujian penilaian negeri tahun ini.

Kita selesaikan kes yang sama apabila sekolah mahu melengkapkan tujuan kurikulum untuk yang lebih tinggi. Fakulti ke-12 akan menetapkan. Senior akan menunjukkan bakat dalam belajar secara independen. Guru-guru mereka akan lebih khusus dengan sekurang-kurangnya 70% dari senior akan meningkatkan disiplin diri, dan teknik belajar sendiri dengan terlibat dengan projek kajian sendiri sekurang-kurangnya satu masa (50 minit), 3x seminggu. Guru bahasa asing selalunya akan mendisiplinkan tujuan kurikulum dan objektif seperti "pelajar akan boleh mengaitkan etnik dan kumpulan nasional berbeza dengan mereka. Guru ini juga boleh menggunakan objektif kurikulum sekolah secara am tetapi khusus untuk bidang itu. 75% pelajar akan memilih bahasa asing. Guru ini mungkin bersetuju dengan tujuan kurikulum ini. Pelajar akan memohon beberapa kursus aduan dalam bahasa asing. Mereka akan kenalpasti objektif kurikulum. 50% pelajar yang mengambil bahasa asing ke-2. Dalam semua kes, gred atau jabatan dan tujuan kurikulum sekolah dan objektif mesti

bersesuaian dengan daerah dan sekolah dan mestilah dikoordinasikan dengan tujuan dan objektif negeri.

Penyata Pengajaran daripada Tujuan Kurikulum

Contoh tujuan kurikulum mempamerkan pelbagai ekspresi. Beberapa sekolah menetapkan tujuan dengan menekankan peranan kurikulum sekolah, contohnya :

- Untuk mengajar pelajar bersuara dengan bersuara dengan jelas dalam menulis atau bercakap
- Untuk mengajar pelajar hidup bersama bantu-membantu
- Untuk membimbing pelajar berkebolehan membeli barang dan perkhidmatan dengan cermat
- Untuk membantu pelajar menghormati budaya yang lain
- Untuk membimbing pelajar melahirkan potensi-potensi melalui pengalaman
- Untuk menyediakan pelajar dengan pengalaman yang boleh dipelajari.

Walaupun ekspresi menekankan peranan sekolah itu biasa, pilihan cara lain yang lebih fokus kepada pelajar adalah lebih menarik kerana :

1. Secara falsafah cara ini lebih bersifat progresif, dimana ia menempatkan pelajar di tengah-tengah pengajaran
2. Mengikut kemodenan corak pengajaran dimana ia fokus kepada pencapaian pelajar berbanding kebolehan guru atau sekolah.
3. Selari dengan praktis seperti menulis tujuan pengajaran dan pengajaran . Maka pelaksanaan kurikulum lebih baik digabungkan.
4. Ia lebih senang proses penilaian apabila kita tahu apa yang diinginkan dalam terma pencapaian pelajar.

Menulis tujuan kurikulum bermula dengan pelajar kita mungkin imbas ilustrasi dalam bentuk berikut :

1. pelajar akan bersuara dengan jelas dalam menulis atau bercakap Inggeris
2. pelajar akan mempamerkan kebolehan membeli barang atau servis dengan cermat
3. pelajar akan menunjukkan minat dan memahami budaya lain

4. pelajar akan menunjukkan kebolehan bekerja secara produktif dengan yang lain

CIRI-CIRI TUJUAN KURIKULUM

Ciri-ciri tujuan kurikulum ini adalah konsep yang telah dirumuskan

1. Ia berkait dengan pengajaran dan falsafah
2. Ia adalah program walaupun umum, tetapi masih tidak terpesong
3. Ia merujuk kepada kerja kumpulan (semua pelajar, pelajar am, kebanyakan pelajar) berbanding pencapaian pelajar individu.
4. Ia luas untuk memimpin objektif kurikulum yang khusus

Penyata Pengajaran dari Objektif Kurikulum

Sepertimana tujuan kurikulum, objektif juga berkaitan dengan matlamat pendidikan dan falsafah sekolah yang diprogramkan dan merujuk kepada pelaksanaan kumpulan. Tidak seperti tujuan kurikulum, objektif dinyatakan dengan lebih khusus.

Ciri-ciri Objektif Kurikulum

Objektif kurikulum adalah dihalusi dari tujuan kurikulum. Ia menentukan standard pencapaian untuk pelajar di mana kurikulum telah dirangka. Kita boleh menukar tujuan kurikulum kepada objektif kurikulum dengan menambah 3 elemen yang akan dibincang dalam objektif pengajaran.

- Pencapaian atau kelakuan iaitu kebolehan pelajar mempamerkan kemahiran dan pengetahuan
- Kebolehan menguasai dan teliti
- Situasi di mana kebolehan diambil kira jika tidak difahami

Untuk melaksanakan perubahan dari tujuan kurikulum kepada objektif kurikulum, mencatat beberapa penanda pencapaian pelajar akan membantu untuk menulis objektif. Marilah kita lihat pada ilustrasi tujuan kurikulum, pelajar akan menunjukkan

tanggungjawab sebagai warga sekolah, masyarakat, negeri, negara dan dunia. Apa yang menjadi penanda kepada pencapaian pelajar akan menjadi bukti sebagai tercapainya tujuan ini? Kita boleh lihat kepada perlakuan seperti berikut :

- Ambil berat bangunan dan taman sekolah
- Kurang pergaduhan antara pelajar
- Hormat-menghormati antara kaum
- Beratur di perhimpunan
- Mengambil bahagian dalam organisasi, belia seperti kumpulan nasyid, pengakap
- Menjauhkan diri dari menjadi sampah sekolah dan masyarakat
- Menyumbangkan kepada jawatan kuasa sekolah
- Memerhati had laju
- Kerjasama antara pelajar
- Menanam minat dalam pemilihan tempatan, negeri, negara
- Menyertai perbincangan untuk mengelakkan masalah

Kita boleh merubah penanda pencapaian pertama - ambil berat bangunan dan taman – kepada objektif kurikulum seperti pelajar akan mengurangkan graf di dinding sekolah. Kita boleh menambah penguasaan objektif dan merangka alat-alat pengukuhan dengan elemen masa dan dimensi pertimbangan seperti “ Akhir April nanti, pelajar akan mempamerkan 95% penurunan dalam graf di dinding. ” Dari satu tujuan kurikulum kita dapat merangka banyak objektif kurikulum dan dari pengukur pencapaian awal kita akan dapat banyak objektif.

Untuk merangka objektif kurikulum, kita akan merujuk Illinois State Board of Education’s Goal. Anda akan mendapati penguasaan dan situasi adalah rumusan (dengan ketepatan, apabila diperlukan) yang biasanya dilakukan meninggalkan pengukuran tentang alat-alat menguji pencapaian dalam kurikulum khusus dan objektif pengajaran . Kita perlu tahu Theodore R Sizer menggunakan cara lain untuk menghususkan objektif kurikulum. Di sekolah rekaan Horace, Laporan komiti yang mengandungi objektif kurikulum (dimana komiti dipanggil tujuan khusus) ke dalam garis panduan penilaian. Komiti berkata “kita percaya sekolah berfungsi dengan tujuan khusus dalam bentuk pertunjukan di mana pelajar menunjukkan kebolehan dan idea. Program sekolah akan menjadi medan latihan terbesar untuk pertunjukan itu.

Penerangan oleh US.Supreme Court menjelaskan bahawa persediaan menu berkhasiat di kafeteria sekolah, persediaan portfolia dalam emosi manusia, melukis peta, menjayakan program khidmat masyarakat adalah contoh pertunjukan di sekolah Horace. Dalam konteks objektif kurikulum adalah sama dengan pertunjukan, tugas-tugas pelajar untuk mempamerkan kecemerlangan.

Pendidikan berdasarkan hasil, dalam perbincangan lepas adalah pergerakan yang khusus objektif kurikulum dalam bentuk mempunyai target yang akan dicapai oleh pelajar. Generasi tujuan kurikulum dan objektif ialah latihan yang sangat kreatif. Perancang kurikulum akan mencuba pengkhususan tujuan dan objektif dengan cara mereka sendiri dengan mengingati tujuan kurikulum dan objektif akan membuka langkah untuk organisasi lain dan pembangunan tujuan kurikulum dan objektif akan menentukan aktiviti-aktiviti yang akan dijalankan di kelas-kelas sekolah akan lihat banyak cara dan pendekatan antara sekolah termasuk :

1. Banyak idea dengan pengetahuan pelajar dan masyarakat telah masuk ke dalam penyata.
2. Kemajuan dalam komunikasi dan tekanan dari negeri dan kebangsaan, banyak penyata yang dijangka akan dikurang (atau yang dipersetujui oleh pakar kurikulum)

PENGESAHAN DAN MENENTUKAN KEUTAMAAN TUJUAN DAN OBJEKTIF

Seperti yang dinyatakan, pengukuhan kurikulum memerlukan proses berterusan yang bermula selepas sekolah memformulakan falsafahnya dan menjelaskan matlamat pendidikan. Keperluan masyarakat dari pelajar umumnya dan pelajar-pelajar khas, masyarakat dan subjek-subjek yang meningkatkan untuk menanda penyata tujuan kurikulum dan objektif. Selepas tujuan-tujuan dan objektif dikenalpasti, proses penilaian perlu disambung untuk menentukan keperluan yang tidak dicapai.

Apabila keperluan-keperluan tidak dicapai dibongkar, satu senarai yang diimbaskan dalam tujuan kurikulum dan objektif perlu disediakan . Tujuan-tujuan dan objektif-objektif ini memerlukan pengesahan untuk meletakkannya sebagai keutamaan.

Pengesahan membawa kepada proses menentukan tujuan dan objektif diterima sebagai hak kepada sekolah mencadangkannya. Menentukan keutamaan iaitu mengutamakan tujuan dan objektif dalam turutan untuk kepentingan sekolah. Kumpulan ini berkaitan dengan proses sekolah haruslah disenaraikan untuk menolong mengenalpasti tujuan dan objektif untuk menentukan keutamaan. Beberapa buah sekolah cuba untuk mengesahkan tujuan dan objektif yang lain menyekat proses untuk mengesahkan untuk mengesahkan tujuan yang telah dikenalpasti, wakil komiti akan menguruskan tugas-tugas pengkhususan tujuan yang akan menukarnya menjadi objektif.

FUNGSI KOMITI KURIKULUM

Proses pengesahan, samada dilakukan oleh negeri, daerah atau sekolah dibayangkan Dengan pembentukan jawatankuasa pengurusan tugas. Ahli jawatankuasa akan menyerahkan tujuan iaitu soal selidik atau pendapat kepada kumpulan yang berkaitan dengan proses sekolah.

Menyerahkan tujuan kurikulum dan mana-mana yang telah dikenalpasti objektif dalam kumpulan yang besar menggariskan individu (termasuk ibubapa) pelajar, guru, pentadbir dan pakar kurikulum ialah praktis yang baik. Usaha perlu untuk pelajari samada penerimaan yang diformulakan oleh perancang kurikulum dan apa yang diutamakan dalam kumpulan. Objektif kurikulum dirangka selepas pendapat yang lebih luas telah dikumpul boleh ke jawatan kuasa untuk pengesahan dan ranking.

Data perlu dikumpulkan dan dikelaskan mengikut keutamaan wakil jawatankuasa setiap kumpulan . Data tidak boleh sewenang-wenang dirumuskan terlalu umum atau mengikut pendapat majoriti. Ia perlu dianalisa perbezaan pendapat, jika ada dalam kumpulan itu dan perlu berbincang tentang perbezaan antara mere dengan ahli kumpulan yang lain.

Mempertimbangkan Pendapat

Sebagai peraturan umum , harapan pelajar , contohnya tidak harus mempunyai keutamaan yang sama dengan kepercayaan ibubapa atau orang lain. Pendapat dalam kumpulan kecil, seperti pakar kurikulum atau professor kolej tidak boleh di kira sama

ringan dengan perangai penduduk yang ramai dalam masyarakat. Dalam hal ini , pendapat beberapa pentadbir sekolah tidak harus dikira jika kerana status mereka, sama berat dengan jumlah guru dan ibubapa.

Oleh itu kerana jawatan kuasa mentafsirkan data mungkin tidak kena dengan tujuan dan objektif beberapa kumpulan ia bertanggungjawab mengubah perbezaan posisi untuk menemui keserasian. Melihat kepada pendapat-pendapat jawatankuasa harus memutuskan tujuan yang sah dan utama. Untuk menetapkan keutamaan ialah beberapa tujuan lebih penting dari yang lain dan perlukan perhatian, penekanan dalam kurikulum.

Jelas tujuan-tujuan negeri, daerah atau di sekolah harus disahkan dan dikelaskan mengikut jumlah guru dan bukan guru. Ini boleh dibincangkan samada tujuan kurikulum dan gred objektif atau jabatan perlu atau menghantar ke pihak berkuasa. Ia mungkin tidak praktikal, bertindan, mahal dan lambat untuk menggred tujuan dan objektif. Fakulti atau jabatan pengreddan boleh memuaskan tanggungjawab jawatankuasa dan untuk mahir dalam bidang revisi dan pendorsan.

Proses pengesahan dan menentukan keutamaan mungkin berulang banyak kali untuk menemui kesesuaian dengan perubahan dan pengkelasan dibuat sebagai hasil setiap kajian. Selepas perancang kurikulum bertukar ke fasa seterusnya dalam proses perangkaan kurikulum, meletakkan tujuan dan objektif dalam operasi.

RUMUSAN

Sistem pendidikan daerah, negeri dan individu terlibat dalam tugas pengkhususan tujuan dan objektif kurikulum. Ia dijernihkan dari falsafah pembangunan dan sasaran pendidikan. Tujuan kurikulum adalah program yang luas yang hasilnya dijangka tanpa ciri-ciri pencapaian. Mereka laksanakan kepada pelajar sebagai kumpulan.

Objektif kurikulum adalah khusus kepada hasil penguasaan dan situasi samada rumusan atau situasi untuk dicapai oleh pelajar dalam kumpulan di sekolah.

Tujuan kurikulum dan objektif penting untuk :

1. mengadakan keperluan penilaian lengkap untuk mengetahui keperluan tidak dicapai.
2. melaksanakan fasa model cadangan untuk peningkatan kurikulum
3. mengeluarkan tujuan dan objektif pengajaran.
4. menyediakan asas untuk menilai kurikulum
5. memberi arahan kepada program.

Tujuan dan objektif kurikulum perlu disahkan dan diletak mengikut keutamaan oleh jawatankuasa sekolah selepas meneliti wakil-wakil dari pelbagai pihak yang sekolah berkhidmat.

MERANCANG PENGAJARAN

Dengan keputusan kurikulum yang dibuat, kawasan luas dikenali sebagai pengancam pengajaran. Dalam beberapa cara ia tanda-tanda biasa membina rancangan mengajar, strategi mengajar dan ujian dikenalpasti oleh pentadbir, guru, pelajar dan ibubapa. Apabila kita masuk ke kawasan arahan, membuat keputusan tetap menjadi tanggungjawab utama, Cuma kali ini tanggungjawab jatuh ke guru kelas. Sehingga ke tahap ini orang yang bertindak sebagai perancang kurikulum antara guru-guru kelas terlibat dalam membuat keputusan dalam membuat program. Sekarang guru kelas akan sibuk membuat tentang cara umum. Mereka akana menjawab soalan-soalan begini :

- Apakah objektif yang perlu dicapai sebagai hasil pengajaran?
- Apakah tajuk yang akan diajar?
- Apa prisedur terbaik untuk mengajar?
- Bagaimana menilai pengajaran?

Di tahap ini, guru mesti memilih samada mereka topik atau mengkhususkan kebolehan, samada untuk menampilkan objektif guru ataumurid, samada untuk mencari penguasaan atau mendedahkan pada alat dan samada untuk sasarkan arahan pada kumpulan atau individu.

Merancang pengajaran termasuk mengkhususkan tujuan pengajaran dan objektif. Memilih strategi pengajaran dan teknik untuk menilai pengajaran .

Untuk meletak dalam tugas perspektif, mari lihat langkah yang telah diambil.


- Mengkaji keperluan pelajar secara umum
- Mengkaji keperluan masyarakat
- Menjelaskan kehendak falsafah dan matlamat umum
- Kenalpasti tujuan kurikulum dan objektif
- Menentukan keperluan pelajar dan masyarakat
- Mengesahkan rancangan untuk mengadakan kurikulum atau rancangan pilihan untuk mengendalikan kurikulum

Setelah melengkap langkah-langkah ini, kita bersedia untuk merancang, mempersembahkan dan menilai pengajaran. Fasa pengajaran kurikulum ditunjukkan mengandungi 6 subset.

MODEL PENGAJARAN

Model ini mengandungi dua fasa iaitu perancangan dan pelaksanaan.

Pelaksanaan terbahagi kepada dua bahagian iaitu penyampaian dan penilaian pengajaran.



MODEL PENGAJARAN

Dimana dan bagaimana guru mula merancang pengajaran ?

Guru A masuk kelas tanpa rancangan apa yang ingin diajar dan mula mengajar apa yang ada. Ini menjelaskan pengajaran tanpa rancangan dan segera.

Guru B merujuk buku teks dengan membahagikan kepada beberapa bahagian berdasarkan minggu persekolahan, menyenaraikan topik-topik seperti ;

- Mencatat soalan-soalan perbincangan dalam kelas
- Menyediakan nota mengajar
- Memberi kerja rumah untuk memperjelaskan topik-topik itu.

Guru C memilih topik untuk belajar pada tahun itu , menggunakan menggunakan kesemua alat berkaitan dengan tajuk-tajuk buku teks dan membuat perubahan pada kerja dalam kelas.

Guru B menggunakan pendekatan memberi, belajar, hafal dan ujian.

Guru C menggunakan pendekatan mengajar dan menyelesaikan masalah. Ketiga-tiga guru mungkin tidak mengaitkan perancangan untuk menentukan tujuan kurikulum dan objektif .

Kesemuanya tidak mengkhususkan tujuan dan objektif pengajaran yang dilaksanakan oleh pelajar. Sudah tentu ilustrasi guru-guru ini keterlaluan. Ini adalah contoh tetapi sangat umum menunjukkan guru-guru kita.

TUJUAN DAN OBJEKTIF PENGAJARAN

Tujuan Pengajaran adalah penyata pencapaian yang dijangka daripada pelajar dalam kelas tanpa kriteria kecemerlangan. Norman E. Gronlund mendefinisikan sebagai “ Pelajar akan faham tentang pasaran saham ” ialah contoh tujuan pengajaran. Ini menandakan pencapaian yang dijangkakan, tetapi kecemerlangan tidak dapat diukur sebelumnya. Sebagai tujuan kurikulum membawa terus kepada objektif kurikulum, begitu juga tujuan pengajaran kepada objektif pengajaran.

Objektif Pengajaran adalah penyata pencapaian yang ditunjukkan oleh pelajar di dalam kelas yang datang dari tujuan pengajaran dan cara mengukur dan memerhatikannya. Penyata berikut adalah contoh objektif pengajaran : “ Pelajar akan menukar pecahan kepada peratus dengan 100% ketepatan : $\frac{1}{4}$, $\frac{1}{2}$, $\frac{3}{4}$, ” . Tujuan kurikulum juga sama dengan objektif perlakuan, objektif pencapaian dan kebolehan.

MENULIS OBJEKTIF

Tyler membincangkan empat cara guru menulis objektif :

1. Perkara yang guru akan lakukan. Contohnya- untuk mengajar teori evolusi .
2. Topik, konsep, kesimpulan atau kandungan yang terlibat dengan subjek. Contohnya - zarah tidak boleh dibuat atau dimusnahkan.
3. Kesimpulan perlakuan gagal untuk menunjukkan area khas perlakuan sebenar. Contohnya- untuk mewujudkan pemikiran kreatif atau mewujudkan penghargaan.
4. Terma untuk membezakan perlakuan pelajar dan kandungan hidup yang perlu perlakuan lain. Contohnya- untuk mewujudkan penghargaan dan novel moden.

PENGGUNAAN OBJEKTIF PERLAKUAN

Samada untuk menggunakan objektif perlakuan telah dibahasakan selama bertahun-tahun. Penyokong perlakuan menegaskan pendekatan arahan ini seperti berikut :

- Memaksa guru untuk lebih teliti dalam pelaksanaan
- Membolehkan guru berkomunikasi dengan pelajar
- Meringkaskan penilaian
- Memupuk sikap tanggungjawab
- Memudahkan susunan

W. James Popham menyokong dengan “ Pengukuran objektif pengajaran dibuat untuk mengurangkan definisit serius pendidikan iaitu pra pekerjaan dengan proses tanpa penilaian kesan-kesan. Sekurang-kurangnya tiga kawasan yang diukur objektifnya dirasakan berpotensi dalam kurikulum (tujuan yang dipilih) , dalam pengajaran (bagaimana melaksanakan) dan dalam penilaian (kenalpasti samada susunan objektif pengajaran telah dilaksanakan).

Pembangkang pula merasakan objektif perlakuan :

- Membuang masa
- Tidak berperikemanusiaan
- Menyekat kreativiti
- Mewujudkan kebolehan remeh dan tidak berharga

Antara pembangkang ialah orang yang melihat objektif perlakuan terlalu mekanikal kerana mereka fokus kepada pemerhatian kelakuan tanpa kelakuan subjektif. Beberapa badan berkanun telah membatalkan spesifikasi objektif pengajaran sebagai terlalu sempit dan terlalu fokus serta tidak sesuai. Mereka sedar kaitan objektif arahan dengan psikologi kelakuan dan telah menyedari perubahan yang membangkitkan teori pendidikan yang konstruktif.

John D Mc Neil merumuskan :

1. Lebih tinggi tahap pemikiran adalah penghalang penguasaan kemahiran.
2. Pertimbangan terhadap hujah dan hubungan antara idea.
3. Pelajar mengadakan aktiviti dan penyelesaian berbanding pembedahan.
4. Pelajar, sebagai pembangkang, guru atau teks tahu dan faham kerana mereka menyelesaikan masalah dan menggabungkan idea.

Walaupun guru menolak penggunaan objektif pengajaran, peperiksaan, alat-alat pengajaran bukan sahaja pendidikan kepada yang muda malah latihan di dalam perniagaan, industri dan kerajaan menunjukkan kegunaan teknik ini.

Bertentangan dengan nilai yang digunakan dalam objektif pengajaran, tidak boleh diselesaikan melalui kajian sahaja. Mc Neil berkata, kajian objektif arahan tidak disertakan. Beberapa kajian ke atas kesan objektif pendidikan, contohnya telah menunjukkan kesan positif tetapi ada juga tidak berbeza, walaubagaimanapun objektif kadang-kadang membantu dan tidak pernah membebankan. Sebagai kes dalam pendidikan, keputusan selalunya berdasar falsafah berbanding hasil kajian.

MASALAH OBJEKTIF PERLAKUAN

Sementara yang bersetuju dan tidak bersetuju membahaskan objektif perlakuan sendiri menambah kesukaran untuk mempengaruhi guru untuk menggunakan objektif perlakuan. Mungkin ada yang terlalu mendalam menyebabkan guru tidak berminat, seperti :

1. Bayangkan pendekatan diagraf yang nampaknya mengganggu pendekatan lain. Kajian menunjukkan objektif perlakuan berguna di tangga pra strategi pengajaran, di mana ia berhasil lebih jika digunakan untuk sesuatu tugas, di mana objektif akan lebih efektif dengan sesetengah pengajaran dan berguna untuk melaksanakan pendidikan di peringkat tinggi dan pelajar yang

berkebolehan purata, pelajar-pelajar lelaki dalam kelas masyarakat tinggi dan keduanya lebih bebas serta kurang teliti dari objektif kelakuan.

2. Bermula dari formula, menulis objektif kelakuan akan lebih mekanikal dan tidak kreatif, contohnya . “ Diberi _____ , pelajar akan _____ dalam _____ minit dengan markah _____ .”
3. Merujuk objektif, pertimbangan terhadap objektif perlakuan pembangkang dan kadangkala menunjukkan kesenangan untuk menulis objektif perlakuan dalam domain berpengaruh sebagai kognitif dan domain psikomotor.

Dengan itu, saya percaya dengan praktis mengenalpasti dan menulis kedua tujuan pengajaran dan objektif mempunyai merit yang boleh dipertimbangkan. Samada guru kelas biasa boleh spesifikasikan objektif perlakuan atau tidak , tetapi sesiapa yang menulis untuk murid-murid cacat mestilah menetapkan tujuan untuk dicapai sehingga akhir tahun dan objektif pengajaran memaksa guru-guru mengenalpasti hasil yang dicari .

Pengkhususan objektif arahan meringkaskan pemilihan strategi arahan meringkas pemilihan strategi arahan dan sumber. Apabila di tulis dalam terma perlakuan , objektif pengajaran menyediakan asas penilaian dan mereka terangkan kepada pelajar, ibubapa dan profesional seperti yang mereka sasarkan. Pendidikan berasaskan hasil dalam 1990 ialah kebolehan terus atau pendidikan berasaskan pencapaian pada tahun 1970 dan 1980. ketiga-tiganya mengandungi prinsip objektif perlakuan.

PANDUAN MENYEDIAKAN TUJUAN DAN OBJEKTIF PENGAJARAN

Untuk memeriksa tugas memilih dan menulis tujuan dan objektif pengajaran, kita akan mencari yang membantu untuk mengeluarkan panduan. Ia mestilah :

- Berkaitan dengan spesifikasi tujuan dan objektif kurikulum yang sedia ada
- Menjurus kepada tiga perkara pendidikan – kognitif dan objektif sedi ada
- Kenalpasti kedua-dua tahap tinggi dan rendah dalam pendidikan dengan penekanan yang lebih
- Menggunakan cara menulis yang ringkas

Tiga penekanan semasa dalam pengajaran harus membimbing guru dalam spesifikasi objektif perlakuan iaitu :

1. Pembangunan kemahiran pemikiran
2. Intergrasi kurikulum melalui unit disiplin
3. Mengiktiraf kebijaksanaan sebagai kelebihan berbanding global

Konsep kebijaksanaan selalunya terhad dalam kognitif pendidikan dan kemahiran matematik selalunya dikatakan satu kebijaksanaan biasa.

HUBUNGAN TUJUAN KURIKULUM DAN OBJEKTIF

Tujuan dan objektif pengajaran perlu berkait dengan tujuan dan objektif . Kecuali guru kelas terlibat merangka tujuan dan objektif. Ini kerana tujuan dan objektif pengajaran datang dari tujuan dan objektif kurikulum. Contohnya:

Tujuan kurikulum → pelajar akan meningkatkan kemahiran membaca.

Objektif kurikulum → setelah 8 bulan, 75% akan meningkatkan kemahiran membaca dan 25% menguasai set pilihan, atau pada akhir tahun pelajar akan melebihi gred normal 5.9 dalam membaca.

Tujuan pengajaran → pelajar akan menunjukkan kebolehan membaca material tanpa kesukaran

Objektif pengajaran → pelajar akan membaca dan merumuskan dengan respon yang betul berdasarkan soalan yang disediakan oleh guru.

OBJEKTIF , HASIL PEMBELAJARAN DAN STANDARD

Belajar di dalam persekitaran sekolah adalah berasaskan matlamat. Pelajar berada di sekolah kerana mereka ingin mempelajari sesuatu perkara, mencapai standard dan kemungkinan untuk memenuhi keperluan dalam mendapatkan diploma atau anugerah tertentu.

Objektif membekalkan jawapan untuk apa yang ingin dipelajari oleh pelajar dan apa yang ingin disampaikan oleh guru.

OBJEKTIF

Objektif secara kesekuruhannya banyak membantu proses perancangan untuk guru-guru. Objektif adalah asas dalam perancangan mengajar yang baik. Sesetengah guru enggan menggunakan objektif kerana mereka merasakan yang objektif adalah terlalu menghadkan atau tidak sesuai untuk kandungan tertentu yang tidak boleh ditentukan.

Dalam erti peranan , pengajaran, objektif memberi peluang kepada guru untuk merangka pernyataan tentang tujuan pelajar belajar melalui arahan. Sekiranya objektif dinyatakan kepada pelajar :

“ Perbezaan antara standard kandungan dan pencapaian. Standard kandungan adalah keperluan pengetahuan samada ianya proses atau maklumat . Standard pencapaian adalah tugas yang perlu di siapkan oleh pelajar dimana pengetahuan diperkukuhkan di dalam tugas dan pengetahuan dan kemahiran digunakan cara tertentu oleh pelajar tersebut.

Blyth (2002) 'Tanda aras' adalah penting dalam menghuraikan perkembangan komponen standard.

Kebaikan :

- Pernyataan-pernyataan yang jelas tentang apa yang boleh dilakukan oleh pelajar.
- Membolehkan guru-guru merancang pelajaran mereka dengan lebih fleksibel.
- Kurang penekanan dalam kandungan yang perlu dirangkumi dan lebih penekanan ke atas kemahiran yang perlu dicapai.
- Memberi butiran yang lebih konkrit mengenai prestasi pelajar
- Membolehkan guru-dan pengetua-pengetua menitikberatkan standard pelajar.
- Boleh mengemukakan kemahiran berfikir yang lebih tinggi.

Masalah

- Kerja atau beban yang banyak untuk guru
- Menyediakan latihan perkembangan profesional yang mencukupi untuk guru-guru
- Menyediakan pernyataan hasil-hasil yang bermakna dan boleh dinilai
- Menyediakan sistem ekonomikal untuk memantau samada hasil telah dicapai atau tidak.
- Mendapatkan bukti dimana pendekatan hasil pembelajaran akan meningkatkan pembelajaran.

Jenis-jenis Objektif

- Objektif tingkahlaku (Behavioural Objectives)
- Fokus ke atas perubahan dalam pemerhatian dan pengukuran dalam pelajar.
- Memerlukan tiga kriteria :
 - i- Bukti-bukti pencapaian.
 - Guru boleh menggunakan cara-cara yang boleh diperhatikan contohnya : menyenaraikan , mendefinisi, mengira,

mendemonstrasi, menambah . Contoh: Pelajar akan menyenaraikan daerah-daerah di Australia.


- ii- Keadaan pencapaian / prestasi.
 - Memerlukan keadaan yang penting di bawah tingkahlaku yang boleh diagak untuk berlaku haruslah ditentukan. Contoh : Dengan menggunakan kompas dan pembaris, bina dua tangan di dalam bulatan berdiameter 6 cm.
- iii- Paras yang boleh di terima.
 - Adalah perlu untuk menyatakan paras prestasi minimum yang boleh diterima.
 - Prestasi yang dikehendaki boleh dihuraikan dalam kepantasan , ketepatan dan kualiti.
Contoh: pelajar haruslah mengeja dengan tepat 90% daripada 15 perkataan yang diberi.

Dengan menggabungkan ketiga-tiga kriteria, objektif tingkahlaku akan dapat dicapai. Contoh : pelajar akan dapat memadankan 90% sampai yang disenaraikan dengan negeri-negeri di Australia dengan tepat tanpa menggunakan buku kerja.

OBJEKTIF PENGAJARAN

- o Boleh digunakan oleh guru untuk membantu dalam proses ajaran yang memberi jalan yang lebih terang dan mengatasi idea yang kabur dan tidak dikembangkan.
- o Ia juga membantu guru memilih kandungan, strategi, bahan-bahan serta kebolehan yang sesuai.

KURIKULUM BAHASA ARAB KOMUNIKASI SEKOLAH KEBANGSAAN



Kurikulum merupakan nadi dan ilmu teras dalam bidang pendidikan (Ishak Ramly 2003). Ia bersifat saintifik dan dinamik yang mengalami perubahan. Perubahan pada kurikulum ini memperlihatkan perkembangan kurikulum daripada yang kurang baik kepada yang lebih baik (Razali Arof 1996). Selain penambahbaikan, perubahan ini juga berperanan sebagai peningkatan daripada satu tahap ke tahap yang lain. Perubahan ini berlaku berdasarkan kehendak dan keadaan tertentu.

Kurikulum Bahasa Arab Komunikasi Sekolah Kebangsaan (BAKSK) adalah salah satu kurikulum yang ditawarkan di sekolah kebangsaan sebagai Bahasa Tambahan. Ia mempunyai dua peringkat penting dalam pelaksanaannya. Dua peringkat tersebut ialah :

BAKSK Projek Rintis

Kurikulum BAKSK mula diperkenalkan dalam sistem pendidikan di Malaysia secara rasmi pada tahun 1997. Ia dilaksanakan melalui Projek Rintis dengan memilih 97 buah sekolah yang terpilih sebagai pelaksanaan kurikulum ini untuk tahun satu sahaja.

Kemudian pada tahun 1998 pelaksanaan kurikulum ini diteruskan dengan menawarkan kepada pelajar di tahun satu dan dua di sekolah terpilih.

Pada tahun 2002 pelaksanaan kurikulum rintis ini telah meliputi setiap tahun satu hingga tahun enam. Walaubagaimanapun ia hanya terhad kepada 910 sekolah terpilih yang melibatkan 5828 buah kelas dan 172941 orang pelajar dan 779 orang guru. Projek rintis ini memperuntukkan masa pengajaran dan pembelajaran 120 minit seminggu (30 minit x 4 waktu) (JAPIM 2003).

BAKSK sebagai Bahasa Tambahan

Beberapa perubahan telah dilaksanakan setelah berakhirnya projek rintis yang memakan masa selama 6 tahun bermula 1997 hingga 2002. Pada tahun 2003, penawaran BAKSK dilaksanakan sebagai Bahasa Tambahan. Bahasa Tambahan yang ditawarkan di sekolah kebangsaan terdiri dari tiga bahasa :

- i- Bahasa Arab Komunikasi (BAK)
- ii- Bahasa Cina Komunikasi (BCK)
- iii- Bahasa Tamil Komunikasi (BTK)

MATLAMAT BAHASA ARAB KOMUNIKASI SEKOLAH KEBANGSAAN (BAKSK)

Penentuan matlamat merupakan langkah penting kerana semua aktiviti yang dilakukan adalah berdasarkan kepada matlamat yang ditentukan.

Matlamat sesuatu kurikulum boleh ditetapkan atau ditentukan dengan menganalisis keperluan tiga sumber utama. Tiga sumber matlamat ini ialah :

Masyarakat


Matlamat yang ditentukan oleh masyarakat merangkumi konsep-konsep yang luas meliputi falsafah dan etika. Ia diperolehi melalui permintaan dan hasrat sesebuah masyarakat.

Pelajar

Matlamat pelajar merangkumi kesediaan dan peluang pekerjaan, kemahiran menyelesaikan masalah dan penggunaan masa lapang dengan berfaedah.

Mata Pelajaran

Matlamat dari mata pelajaran menyentuh tentang bagaimana ia boleh mengfungsikan sesuatu perkara yang dipelajari dalam sesebuah masyarakat tertentu.



BAKSK yang diperkenalkan di Malaysia mempunyai matlamatnya yang tersendiri.

Antara matlamatnya ialah:

Menguasai dan Menggunakan Kemahiran-kemahiran Asas Bahasa

BAK bermatlamat untuk membolehkan pelajar menguasai dan menggunakan kemahiran-kemahiran asas bahasa.

Penguasaan kemahiran bahasa menjadi matlamat utama kerana bahasa bukan sahaja satu matapelajaran tetapi ia adalah media komunikasi dan satu kemahiran yang perlu dikuasai oleh pelajar. Kita boleh melihat seorang pelajar sesuatu bahasa dapat memahami bahasa yang dipelajarinya dengan baik tetapi tidak dapat menggunakannya kerana aspek kemahiran tidak diberikan penekanan sewajarnya.

Kemahiran asas bahasa yang perlu dikuasai oleh pelajar bahasa Arab ialah kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Kemahiran ini diajar secara berkait antara satu sama lain. Kemahiran mendengar tidak mungkin dapat diajar tanpa melibatkan kemahiran bertutur atau dua kemahiran yang lain. Pembahagian kemahiran bahasa kepada empat bukan bertujuan mengasingkan pengajaran tetapi lebih kepada mempermudah proses pengajaran dan pembelajaran.

Menekankan Kemahiran Bertutur

Dalam komunikasi penekanan yang lebih perlu diberikan kepada kemahiran bertutur. Fries (1983) mengatakan bahawa 85% daripada bahasa yang digunakan oleh manusia dalam komunikasi ialah pertuturan.

Penguasaan kemahiran ini adalah satu aspek penting yang menentukan kejayaan pengajaran dan pembelajaran bahasa kedua atau bahasa asing (Nunan 1991)

Kemahiran bertutur sebagai tanda aras (*benchmark*) kejayaan penguasaan sesuatu bahasa. Apabila seseorang bertutur, pendengar akan membuat tanggapan tertentu terhadap personaliti sikap dan kedudukan penutur sama ada ibunda ataupun tidak.

Pengajaran kemahiran ini mestilah dilakukan dengan sistematik supaya pelajar-pelajar dapat dibantu menguasai kemahiran ini dengan baik.

Menambah Perbendaharaan Kata

Perbendaharaan kata sangat diperlukan untuk membolehkan pelajar bahasa arab dapat menyampaikan sesuatu makna dalam situasi tertentu.

Perkara biasa yang berlaku apabila pelajar mempunyai idea dan isi yang perlu diutarakan tetapi mereka tidak mempunyai perbendaharaan kata yang secukupnya

untuk membolehkan mereka menggunakannya dalam menyampaikan idea atau makna tersebut.

Perbendaharaan yang dikuasai pelajar perlu diajar dan dilatih agar pelajar memahaminya dan berkemahiran dalam menggunakannya.

Meningkatkan Penghayatan Akhlak Mulia dan Nilai-Nilai Murni

Ini merupakan matlamat terpenting. Pembelajaran bahasa bukan sekadar membolehkan seseorang menggunakan bahasa tersebut untuk komunikasi secara verbal atau tulisan tetapi ia perlu diselaraskan agar dapat membentuk peribadi pelajar itu sendiri.

Pelajar perlu dilatih untuk berakhlak dengan akhlak terpuji dan mulia dan membiasakan mereka dengan nilai-nilai murni agar akhlak dan nilai murni menjadi sebahagian daripada hidup mereka.

OBJEKTIF KURIKULUM BAKSK

Pengajaran Bahasa Arab Komunikasi adalah berobjektifkan perkara-perkara berikut :
Mendengar Bunyi-bunyi Huruf, Perkataan-perkataan dan Ayat-ayat serta memahami maknanya.

Objektif ini melibatkan aktiviti kemahiran mendengar. Ada tiga bahan yang perlu didengar sebagai proses pertama dan memahami apa yang didengar sebagai komponen kedua dalam objektif ini. Bahan yang perlu didengar dibahagikan kepada tiga perkara :

Bunyi-bunyi Huruf

Bunyi-bunyi huruf merujuk kepada komponen fonem seperti bunyi asas dalam bahasa Arab. Selain mendengar pelajar juga perlu berkemampuan membezakan antara satu-satu fonem dengan yang lain sebagai komponen terkecil bahasa Arab.

Perkataan

Perkataan ialah asas kedua yang terbentuk daripada gabungan fonem-fonem yang membentuk makna sesuatu sama ada kata nama, kata kerja atau partikal.

Ayat-ayat

Ayat adalah gabungan perkataan dengan perkataan yang lain yang membentuk satu makna yang tersusun dan teratur. Gabungan perkataan ini diikat dengan tatabahasa agar dapat membawa makna sebenar kepada pihak yang menerima maklumat tersebut.

Menyebut Bunyi, Perkataan dan Ayat dengan sebutan yang Tepat

Objektif kedua memberikan penekanan kepada aktiviti menghasilkan bahasa. Penguasaan kemahiran ini adalah satu aspek penting yang menentukan kejayaan pengajaran dan pembelajaran bahasa kedua atau bahasa asing (Nunan 1991).

Brown (2001) menyifatkan kemahiran bertutur sebagai tanda aras (*benchmark*) kejayaan penguasaan sesuatu bahasa. Apabila seseorang penutur, pendengar akan membuat tanggapan tertentu terhadap personaliti, sikap dan kedudukan penutur sama ada penutur ibunda ataupun tidak (Luoma 2004)

Dalam pengajaran bahasa, aspek pertuturan merupakan satu aspek yang penting yang perlu diajarkan, dilatih dan diasah supaya pelajar-pelajar menjadi mahir. Pertuturan menggunakan bahasa ini merupakan aktiviti utama dalam komunikasi manusia.

Pertuturan ini juga merupakan satu sistem bahasa yang tekal dan sangat berguna untuk menyampaikan makna melalui bunyi bahasa yang berkenaan. Pengajaran bidang ini mestilah dilakukan dengan sistematik supaya pelajar-pelajar dapat dibantu menguasai kemahiran ini dengan baik.

Berbual/Berdialog dengan Menggunakan Bahasa Arab dalam Situasi yang Pelbagai serta Memahaminya.

Penekanan diberikan kepada interaksi bahasa Arab yang berlaku sama ada pelajar dengan pelajar atau pelajar dengan guru. Interaksi ini perlu menggunakan kemahiran bahasa dalam situasi-situasi yang dekat dengan kehidupan pelajar. Pelajar dapat menggunakan bahasa Arab di dalam penghidupan sehariannya seperti memperkenalkan nama dan bertanya orang lain untuk tujuan perkenalan. Bahasa dijadikan elemen atau media komunikasi antara pelajar dengan pelajar atau pelajar dengan pihak-pihak yang lain.

Objektif ini menggabungkan beberapa elemen penting. Antaranya ialah :

Kemahiran mendengar (mendapatkan) maklumat dan memahaminya.

Kemahiran menyampaikan maklumat menggunakan kemahiran bertutur

Kemampuan perbendaharaan kata Arab

Kebolehan menyusun idea

Keberanian dan keyakinan kepada diri sendiri

Membaca Perkataan-perkataan dan Ayat-ayat dengan Bacaan yang Betul dan Jelas Memahaminya.

Kemahiran membaca adalah lanjutan daripada kemahiran-kemahiran lain. Membaca adalah satu proses yang memerlukan seseorang itu menterjemah dan mentafsir kembali lambang-lambang bertulis (tulisan) kepada lambang-lambang bunyi (suara) yang hendak disampaikan. Selain membaca pelajar juga dapat memahami makna dan kandungan apa yang menjadi bacaannya.

Objektif ini juga melibatkan proses memahami makna dan maksud sesuatu tulisan yang berupa perkataan atau ayat. Ia melibatkan proses menggandingkan tulisan dengan suara dari pelajar dan cuba memahami maklumat yang terkandung di dalam simbol tulisan yang ditulis.

Menulis Perkataan-perkataan dan Ayat-ayat dengan Tulisan yang Betul serta Memahaminya.

Menulis adalah satu proses menghasilkan simbol-simbol yang disusun berdasarkan pertuturan yang berbentuk perkataan dan seterusnya disusun menjadi satu binaan ayat. Proses penghasilan simbol dan pembinaan ayat perlulah disertai dengan pemahaman agar proses penulisan akan menjadikan lebih bermakna.

Menulis Artikel dalam Pelbagai Situasi dengan Menggunakan Ayat-ayat yang Mudah untuk Memahaminya.

Pelajar juga diharapkan dapat menulis satu penulisan dalam apa-apa juga bentuk dengan mengaplikasikan bentuk ayat-ayat yang mudah dan senang untuk difahami. Aspek pemahaman kepada apa yang ditulis menjadi satu perkara penting di dalam penulisan.

KEMAHIRAN BAHASA

Kemahiran Bahasa meliputi kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Kemahiran Bahasa ini merupakan teras kepada penguasaan bahasa Arab.

Kemahiran Mendengar

Kemahiran mendengar merujuk kepada keupayaan pelajar mendengar dengan teliti dan memahami perkara yang didengar dalam pelbagai situasi pengucapan seperti cerita, arahan, perbualan, soal jawab, laporan berita dan perbincangan.

Kecekapan berbahasa bagi kemahiran mendengar adalah seperti berikut :

Mendengar dan memahami tentang sesuatu yang diperihalkan oleh orang lain dalam kehidupan orang lain.

Mendengar dan memahami maklumat tertentu seperti fakta , idea dan hujah-hujah yang terkandung dalam berita, ucapan rasmi serta siaran media massa.

Mendengar dan memahami arahan yang dituju kepadanya serta dapat memberi respons ke atas arahan tersebut.

Mendengar dan memberikan respons secara lisan dan bertulis tentang sesuatu yang diperihalkan oleh orang lain.

Mendengar dan dapat membuat nota ringkas daripada maklumat yang diperolehi menerusi pelbagai bahan sumber.

Kemahiran Bertutur

Kemahiran Bertutur merujuk kepada keupayaan pelajar menyampaikan maklumat, pendapat, perasaan, serta idea yang kritis dan kreatif secara lisan dengan sebutan dan intonasi yang betul secara sopan. Penekanan diberikan pada keyakinan pelajar untuk bertutur serta penggunaan pengucapan yang menggunakan tatabahasa yang sesuai.

Kecekapan berbahasa bagi kemahiran bertutur adalah seperti berikut :

Menyebut sesuatu perkataan dengan sebutan yang betul.

Bertutur dengan fasih dan dapat memberi pendapat serta pandangan yang jelas untuk melibatkan diri dalam interaksi sosial.

Berbual dan berbincang tentang kehidupan yang berkaitan dengan diri, keluarga, dan masyarakat dengan menggunakan sebutan serta intonasi yang betul.

Meyoal untuk mendapat maklumat dengan mengemukakan soalan secara jelas dan sopan.

Menjawab secara spontan tentang sesuatu perkara atau isu yang dikemukakan terhadapnya.

Kemahiran Membaca

Kemahiran membaca merujuk kepada keupayaan pelajar membaca dengan sebutan, intonasi, jeda dan kelancaran yang betul. Penekanan perlu diberikan pada aspek pemahaman dan kemahiran menggunakan pelbagai teknik membaca untuk tujuan menimba ilmu pengetahuan dan memperoleh maklumat daripada pelbagai bahan bacaan.

Kecekapan berbahasa bagi kemahiran membaca adalah seperti berikut :

Membaca secara bersuara atau kuat dengan penyebutan dan intonasi yang betul dan juga kelancaran yang sesuai.

Memetik isi-isi penting sama ada isi tersurat atau tersirat yang termuat dalam bahan bacaan dengan cepat dan tepat.

Memperkayakan dan memperluaskan perbendaharaan kata pelajar supaya meninggikan daya mengerti dan juga menggunakan dengan betul perkataan/frasa dalam konteks ayat.

Mentafsir suatu bahan yang dibaca dengan tepat dan menyatakan tafsirannya dengan menggunakan perkataan sendiri seberapa banyak yang mungkin dengan jelas.

Kemahiran Menulis

Dalam kemahiran menulis, pelajar harus berupaya menghasilkan pelbagai penulisan dengan tepat dan jelas tentang perasaan, pengalaman diri, dan ilmu pengetahuan yang ingin disampaikan. Penekanan harus diberi pada penggunaan ayat yang gramatis, tanda baca, dan ejaan yang betul. Pelajar juga digalakkan supaya menghasilkan karya yang kreatif berdasarkan pemikiran yang kritikal dan analitis.

Kecekapan berbahasa bagi kemahiran menulis adalah seperti berikut :

Pelajar dapat melahirkan secara bertulis fikirannya, perasaan dan pengalaman dengan jelas, tersusun, logik dan menggunakan tatabahasa yang betul.


Mengembangkan daya cipta untuk menulis sesuatu yang kreatif atau kritis seperti cerpen, cerita imaginasi, pandangan, perbincangan, perbahasan dan syarahan.

Menterjemahkan bahan prosa bahasa tertentu ke dalam Malaysia baku dengan memelihara makna asalnya.

Menghasilkan rumusan daripada pelbagai bahan prosa.

Membolehkan pelajar berkomunikasi secara bertulis dalam urusan rasmi atau rakan sebaya untuk memenuhi pelbagai keperluan.

MEMBINA MEDIA PENGAJARAN



Menyatakan Objektif-objektif pengajaran. Menggunakan peta analisis pengajaran, sediakan objektif-objektif. Apabila menulis objektif pengajaran, nyatakan sasaran, perlakuan dan syarat dan kriteria (Heinich, Molenda dan Rusell, 1981). Objektif pengajaran akan melibatkan tiga domain pembelajaran, iaitu kognitif, psikomotor dan afektif. Daripada tiga domain ini terdapat pula tiga jenis kandungan pelajaran, iaitu kandungan konsep, kandungan prosedur dan kandungan teoritikal (Reigeluth, 1983)

HUBUNGAN ANTARA MATLAMAT-MATLAMAT DAN OBJEKTIF-OBJEKTIF

Objektif-objektif yang guru-guru tentukan untuk murid-murid mereka di dalam aktiviti bilik darjah mestilah tekal dengan keseluruhan matlamat sekolah. Jika-tidak matlamat-matlamat tidak akan tercapai dan setengah-setengah guru mungkin mempunyai arah perjuangan yang bercanggah. Ini menekankan tentang perlunya semua pihak menentukan bersama-sama apakah matlamat-matlamat ini dan perlunya mengadakan perbincangan secukupnya supaya pandangan-pandangan yang berbeza-beza mungkin mungkin dikemukakan dan satu pendapat yang muktamad akan tercapai. Apabila persetujuan tercapai mengenai matlamat-matlamat sekolah, arah perjuangan umum, barulah guru-guru secara perseorangan, kumpulan-kumpulan guru atau semua kakitangan dapat menimbangkan objektif-objektif untuk beberapa aspek kurikulum yang tekal dengan matlamat-matlamat umum sekolah. Mungkin didapati, terutama sekali di kalangan kakitangan yang besar jumlah, yang tidak tercapai satu persetujuan kerana falsafah pendidikan kakitangan terlalu bercanggah sehingga persetujuan penuh mengenai apa yang patut dibuat oleh sekolah untuk murid-muridnya tidak tercapai. Guru besar dan kakitangannya yang menghadapi situasi ini mungkin merasa bahawa permulaan-permulaan aktiviti boleh dilakukan dalam bidang-bidang yang mendapat persetujuan.

Perbincangan mengenai objektif bukanlah tugas yang mudah dan memerlukan pemikiran yang jelas, pengawasan dalam definisi istilah-istilah serta memerlukan banyak kesabaran dan muhibah. Mereka akan mendapati bahawa di peringkat ini dalam perkembangan kurikulumia iaitu semasa membincangkan isi, bahan-bahan dan kaedah akan muncul penjelasan-penjelasan lanjut mengenai objektif-objektif dan sekali lagi, sekiranya ada keperluan untuk penjelasan lanjut, ini akan timbul apabila teknik-teknik mengukur dibincangkan. Walaubagaimana penjelasan objektif-objektif itu adalah sukar kerana ia satu tugas yang tidak dapat diketepikan kerana tanpa sesuatu kenyataan objektif tidak ada apa-apa yang dapat membimbing penentuan-penentuan yang harus dilakukan mengenai kurikulum.

Contoh Objektif-Objektif

Intelek

1. Berikan nama benda-benda yang selalu digunakan dalam bilik darjah dalam bahasa Perancis.
2. Tulis laporan lawatan kajian luar.
3. Cari maklumat daripada berbagai-bagai punca
4. Membaca buku sebagai kegemaran masa lapang.

Emosi

1. Tunjukkan kemajuan kesensitifan (kepekaan) terhadap orang lain.
2. Memperlihatkan pertambahan kefahaman diri sendiri

Sosial

1. Bekerja bersama-sama dengan produktif dalam kumpulan-kumpulan
2. Menyertai aktiviti-aktiviti luar sekolah

Fizikal

1. Mengamalkan aamalan-amalan kesihatan yang baik.
2. Berenang sekurang-kurangnya dua puluh lima ela.

Objektif Jangka Pendek dan Jangka Panjang

Jelaslah setengah-setengah daripada contoh objektif yang dikemukakan dapat dicapai dalam masa yang singkat, sekurang-kurangnya oleh setengah-setengah murid, manakala yang lain –lainnya mungkin menjadi objektif –objektif jangka panjang yang mungkin meliputi seluruh jangka masa pendidikan.

PENUTUP

Objektif , isi kaedah-kaedah penilaian dan perkara ini tidak dapat diberi penekanan secukupnya. Banyak di antara kita mungkin telah tersilap dalam perancangan kursus untuk murid-murid kerana memulakan dengan menyatakan objektif-objektif dan ini mungkin telah ditulis secara terang-terangan di atas. Setelah itu, kita merancang isi, bahan dan kaedah yang hendak kita gunakan tanpa merujuk kepada objektif-objektif. Objektif-objektif ini bertujuan untuk membimbing pemilihan isi, bahan dan kaedah yang mesti dirujuk setiap masa apabila penentuan-penentuan mengenai semua ini dilakukan.

RUJUKAN

Peter F. Olivia. 2005. *Developing the Curriculum*. Sixth Edition. Pearson Education, Inc. Printed to the United States America.

Jack C. Richards. 2001. *Curriculum Development in Language Teaching*. Cambridge University Press.

Open University Malaysia (OUM), 2007. *Kurikulum Bahasa Arab Komunikasi Sekolah Rendah*. Cetakan Pertama, Januari 2007, Unitem Sdn.Bhd.

Marsh, Colin J. 2004, *Key Concepts for Understanding Curriculum*, 3rded. London. RoutledgeFalmer.

Audrey Nicholls ,Howard Nicholls. 1987. *Perkembangan Kurikulum Satu Panduan Praktis*. Terjemahan Mohamad Daud Hamzah, Koh Tsu Kon. K.L Dewan Bahasa dan Pustaka .

Muhamad Hassan Abdul Rahman .2000. Media Pengajaran. Serdang , Selangor. UPM.

Dick, Walter. 1989. *Planning Effectif Insruction*. P/e/into – Boston Allyn and Bacon

Gay Heathcote, Richard kempa and Lolo Roberts. *Currikulum Styles and Strategies*.

Mok Soon Sang (2004), *Ilmu Pendidikan untuk KPLI (Sekolah Menengah) semester 1 & 2 Edisi Ketiga* : KBSB, S.Jaya

Nik Mohd Rahimi Nik Yusuff. Kamaruzaman Abdul Ghani. Muawafak Abdella Ahmed Al-Khusairy. *Kaedah Pengajran Bahasa Arab*. GE 5292. Pusat Pengajian Jarak Jauh, UKM Bangi. 1999.

Kamarudin Hj. Husin. 1998. *Pedagogi Bahasa Perkaedahan*.Terbitan pertama.Kajang. L. C. Marketing.